

JAN HENRIC BUETTNER



Jan Henric Buettner

Serial Entrepreneur, Creator,
Leader, and Philanthropist

Founder of AOL Europe;
Headline Venture Capital;
WEISSENHAUS – Private
Nature Luxury Resort; Big
Barn Studios & Record Co.;
Freestyle Chess Co. / Author
“Bite-sized wisdom for life”

Pioneer in Mobile, Internet, Venture Capital, Luxury Hospitality, and Chess

- Jan Henric Buettner (born **September 10, 1964**) is a visionary leader in mobile technology, the internet, venture capital, luxury hospitality, and chess. He has lived in Germany, California, and now primarily resides in South Africa.
- **Mobile Technology & Internet Innovation:** In 1989, Jan played a key role in Axel Springer Verlag's bid for the D2 mobile license, contributing to the introduction of private mobile telephony in Germany. In 1992, he founded the world's first multimedia online service, which led to the creation of **AOL Europe** in 1995. This venture culminated in the sale of Bertelsmann's and Jan's stake to AOL for **\$10 billion in 2000**.
- **Venture Capital & Silicon Valley:** In 1997, Jan moved to California and launched BV Capital (now **Headline Ventures**), which today manages over \$4 billion in assets. Between 1998 and 2007, he oversaw **\$1 billion+** in venture investments, backing early-stage companies like **GoTo-Meeting**, **Groupon**, and **Sonos**.
- **Luxury Hospitality & Weissenhaus Castle Estate:** In 2006, Jan acquired the **400-year-old** Weissenhaus estate on the Baltic Coast of Germany. Investing over **EUR 150 million** he transformed it into the award-winning **WEISSENHAUS Private Nature Luxury Resort** (weissenhaus.de).
- **Chess & Sports Innovation:** In 2024, Jan co-founded **Freestyle Chess Co.** with **Magnus Carlsen**, bringing together the world's top chess players to revolutionize the sport by using principles inspired by **Formula 1's success model**.
- **Expertise & Thought Leadership:** A sought-after expert in internet innovation, venture capital, luxury hospitality, and sports, Jan advises leaders in politics and business worldwide. His book “7x7 JBite-Sized Wisdom for Life ;)” is available in both print and audio formats.

Expectations of FIDE Presidency 2026-2030

Vision: Grow the global chess ecosystem.

Mission: Stronger federations, more players, more opportunities.

Method: Sponsorship, education, media, technology, and professionalization.

Leadership style: Listening, partnership, transparency, and service.

Personal credibility: A lifetime spent building organizations, partnerships, and opportunities that did not previously exist – and now bringing that experience to world chess.

**SILA RUJUK TERJEMAHAN HALAMAN INI KE DALAM BAHASA
MELAYU PADA HALAMAN BERIKUTNYA.**

TERJEMAHAN

JAN HENRIC BUETTNER

Perintis dalam Teknologi Mudah Alih, Internet, Modal Teroka, Hospitaliti Mewah dan Catur

- Jan Henric Buettner (lahir pada 10 September 1964) ialah seorang pemimpin berwawasan dalam bidang teknologi mudah alih, internet, modal teroka, hospitaliti mewah dan catur. Sepanjang hayatnya, beliau telah menetap di Hamburg, Weissenhaus, Santa Barbara di California, dan kini kediaman utamanya berada di Wilderness, Afrika Selatan.

Teknologi Mudah Alih & Inovasi Internet

- Pada tahun 1989, Jan memainkan peranan penting dalam bidaan Axel Springer Verlag untuk lesen mudah alih D2, sekali gus menyumbang kepada pengenalan telefoni mudah alih persendirian di Jerman. Pada tahun 1992, beliau menubuhkan perkhidmatan multimedia dalam talian pertama di dunia, yang membawa kepada penubuhan AOL Europe pada tahun 1995. Usaha ini memuncak dengan penjualan pegangan Bertelsmann dan pegangan Jan kepada AOL pada tahun 2000 dengan nilai USD 10 bilion.

Modal Teroka & Silicon Valley

- Pada tahun 1997, Jan berpindah ke California dan menubuhkan BV Capital (kini dikenali sebagai Headline Ventures), yang hari ini mengurus aset bernilai lebih daripada USD 4 bilion. Antara tahun 1998 hingga 2007, beliau menyelia pelaburan modal teroka bernilai lebih daripada USD 1 bilion, menyokong syarikat peringkat awal seperti GoToMeeting, Groupon dan Sonos.

Hospitaliti Mewah & Estet Istana Weissenhaus

- Pada tahun 2006, Jan memperoleh estet Weissenhaus yang berusia lebih 400 tahun di pesisir Laut Baltik, Jerman. Dengan pelaburan melebihi EUR 150 juta, beliau mengubahnya menjadi resort mewah bertaraf dunia yang memenangi pelbagai anugerah, WEISSENHAUS Private Nature Luxury Resort.

Catur & Inovasi Sukan

- Pada tahun 2024, Jan mengasaskan bersama Freestyle Chess Co. bersama Magnus Carlsen, menghimpunkan pemain-pemain catur terbaik dunia untuk merevolusikan sukan tersebut dengan menggunakan prinsip yang diinspirasikan oleh model kejayaan Formula 1.

Kepakaran & Kepimpinan Pemikiran

- Sebagai pakar yang sering menjadi rujukan dalam inovasi internet, modal teroka, hospitaliti mewah dan sukan, Jan menasihati pemimpin politik dan perniagaan di seluruh dunia. Bukunya, "7x7 JBite-Sized Wisdom for Life ;)", boleh didapati dalam format cetak dan audio.

Usahawan Bersiri, Pencipta, Pemimpin dan Dermawan

- Pengasas AOL Europe; Headline Venture Capital; WEISSENHAUS – Private Nature Luxury Resort; Big Barn Studios & Record Co.; Freestyle Chess Co.; Penulis "Bite-Sized Wisdom for Life" (*Kebijaksanaan Kehidupan dalam Helaian Kecil*).

Jangkaan bagi Presiden FIDE 2026–2030

- **Visi:** Mengembangkan ekosistem catur global.
- **Misi:** Persekutuan yang lebih kukuh, lebih ramai pemain, lebih banyak peluang.
- **Kaedah:** Penajaan, pendidikan, media, teknologi dan profesionalisasi.
- **Gaya Kepimpinan:** Mendengar, perkongsian, ketelusan dan khidmat.
- **Kredibiliti Peribadi:** Sepanjang hayat membina organisasi, perkongsian dan peluang yang sebelum ini tidak wujud – dan kini membawa pengalaman tersebut ke dunia catur.

PENGENALAN DAN PERNYATAAN MISI

untuk Presiden FIDE 2026–2030

Jan Henric Buettner

Memandangkan ramai perwakilan mungkin belum mengenali saya secara peribadi, saya ingin memperkenalkan diri secara ringkas supaya anda dapat menilai sama ada saya memiliki kemahiran, pengalaman dan hubungan antarabangsa yang diperlukan untuk membantu anda dan FIDE bersama-sama mewujudkan peluang baharu bagi catur di negara masing-masing.

- Dengan berkongsi latar belakang saya, saya juga berharap dapat memberikan keyakinan kepada anda untuk mempercayakan kepimpinan FIDE kepada saya bagi tempoh empat tahun akan datang, supaya FIDE dapat berkhidmat dengan lebih baik kepada persekutuan ahlinya, pemain, penganjur, jurulatih, pengadil, penaja dan jutaan peminat catur di seluruh dunia.
- Sepanjang hidup saya, saya telah menjadi seorang pembina. Saya telah menubuhkan syarikat, membangunkan perniagaan antarabangsa, mengumpulkan modal pelaburan, mewujudkan platform media, menganjurkan acara besar, dan menukar idea-idea bercita-cita tinggi menjadi kejayaan yang nyata. Namun, saya tidak meminta sokongan anda kerana apa yang telah saya capai pada masa lalu — saya meminta sokongan anda kerana apa yang boleh kita capai bersama pada masa hadapan.
- Saya memahami cabaran pertumbuhan kerana saya telah menghabiskan beberapa dekad untuk mencipta pertumbuhan. Saya juga percaya bahawa saya memahami keperluan persekutuan yang lebih kecil, kerana membina sesuatu dari awal memerlukan banyak ciri yang sama: visi, kepimpinan, ketabahan, kreativiti, dan keupayaan untuk mencapai lebih banyak dengan sumber yang terhad.
- Hari ini, catur berada di ambang era baharu yang luar biasa. Tugas bersama kita bukan sekadar mentadbir permainan ini, tetapi untuk mengembangkan keseluruhan ekosistemnya — membawa lebih ramai pemain kepada catur, mewujudkan lebih banyak peluang untuk golongan profesional, menarik penaja dan khalayak baharu, memperkukuh persekutuan kebangsaan, dan memastikan catur sampai ke setiap sekolah dan setiap komuniti yang ingin menerimanya.
- Dalam mengejar matlamat tersebut, saya percaya bahawa FIDE harus bersifat inklusif dan berpandangan ke hadapan. Kita harus menerima setiap bentuk catur yang sah yang membantu mengembangkan permainan ini dan memberi inspirasi kepada generasi baharu pemain: Catur Klasik, Catur Rapid, Catur Blitz, Catur Dalam Taliah, Catur Sekolah dan Freestyle Chess. Format yang berbeza menarik khalayak yang berbeza, tetapi semuanya menyumbang kepada objektif yang sama: menjadikan catur lebih kukuh, lebih mudah diakses dan lebih relevan di seluruh dunia.
- Harapan saya ialah pengenalan ringkas ini dapat memberikan konteks kepada idea-idea yang terkandung dalam Ringkasan Manifesto Catur saya. Pada akhirnya, saya tidak meminta untuk dinilai berdasarkan pencapaian masa lalu saya, tetapi berdasarkan visi, integriti dan hasil praktikal yang boleh kita capai bersama untuk catur dunia. Jika saya diberi amanah untuk memimpin FIDE, komitmen saya adalah mudah: mendengar, berkhidmat dan membantu mewujudkan lebih banyak peluang bagi setiap persekutuan, setiap pemain dan setiap komuniti yang mempercayai kuasa catur.
- Saya amat percaya bahawa FIDE yang lebih kuat mesti sentiasa bermakna persekutuan yang lebih kuat, kerana masa depan catur tidak akan ditentukan di bilik mesyuarat, tetapi di kelab-kelab tempatan, sekolah-sekolah, komuniti-komuniti dan persekutuan kebangsaan di seluruh dunia.

FIDE yang lebih kuat mesti bermakna persekutuan yang lebih kuat.